BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020

# SIRI JELAJAH PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 NEGERI SABAH

## Sesi Kunjungan Hormat kepada YAB Ketua Menteri Sabah

**Kota Kinabalu, 8 September 2022 (Khamis)** - Kunjungan hormat Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin kepada Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor telah diadakan di Menara Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah. Tujuan kunjungan hormat adalah untuk mengeratkan kerjasama strategik di antara Kerajaan Sabah dengan DOSM, memberikan penerangan berkaitan siri jelajah banci dan pengukuhan sistem statistik negara. Turut hadir ke sesi tersebut adalah Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, Encik Muhammad Amri bin Idris.







## Lawatan YAB Ketua Menteri Sabah ke *booth* pameran

Sejurus ketibaan untuk merasmikan majlis Siri Jelajah Penemuan Utama Banci 2020 Negeri Sabah, YAB Ketua Menteri Sabah telah melawat *booth* pameran DOSM Sabah dan Bahagian Pemetaan Topografi Sabah (JUPEM).



@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind

# Sepintas lalu - Program Siri Jelajah Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 Negeri Sabah








YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor telah merasmikan Siri Jelajah Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 Negeri Sabah. Program ini dihadiri lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Parlimen dan DUN, pegawai – pegawai Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, ahli akademik serta pengamal media. Turut hadir pada program tersebut ialah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya. YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah membentangkan intipati penemuan Banci Malaysia 2020 secara komprehensif dan menyeluruh.





Program Siri Jelajah ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang penemuan Banci Malaysia 2020 dan statistik utama DOSM serta budaya membuat keputusan berasaskan bukti dalam urusan pentadbiran dan pelaksanaan dasar peringkat daerah pentadbiran, Pihak Berkuasa Tempatan, Parlimen dan DUN. Program ini juga bertujuan mengukuhkan inisiatif perkongsian maklumat dan statistik melalui rekod pentadbiran serta meningkatkan literasi statistik dan jalinan kerjasama strategik antara agensi kerajaan.

.



@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind

# Liputan Media Program Siri Jelajah Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 , Negeri Sabah




> Statistik peringkat mikro penting sebagai asas pemantauan dan penilaian keberkesanan program kerajaan
>
> -YAB Ketua Menteri Sabah -

> DOSM telah melancarkan 3 *dashboard* utama iaitu *MyCenDash*, Kawasanku dan *MyDemography*
>
> -YAB Ketua Menteri Sabah-

> Kerajaan Negeri menggunakan data penemuan banci untuk mentadbir urus negeri dengan lebih cekap dan efisien.
>
> -YAB Ketua Menteri Sabah-

Kesimpulannya, program Siri Jelajah Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 Negeri Sabah telah mencapai objektifnya. Program ini mendapat liputan media yang meluas dan peserta yang hadir telah mendapat kefahaman jelas tentang penemuan Banci Malaysia 2020 dan statistik sosioekonomi yang dihasilkan DOSM. Setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dan memberi kerjasama dalam penganjuran program ini sehingga berjaya.



@STATSMalaysia

#MyStatsDay

#LeaveNoOneBehind